

AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

2,881 jangkitan baharu, 15 kematian

Kuala Lumpur: Sebanyak 2,881 jangkitan baharu COVID-19 direkod semalam dengan 15 kes kematian, iaitu lima meninggal dunia di Selangor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Selangor juga negeri tertinggi mencatat jangkitan harian dengan 759 kes, diikuti Sarawak (445 kes) dan Kelantan (442 kes).

Daripada semua jangkitan di Selangor, beliau berkata, 522 kes atau 68.8 peratus berpunca dari Kluster serta saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

Lima daripada 15 kes kematian di Selangor, manakala Kuala Lumpur (dua), Sarawak (dua), Pulau Pinang (dua), Sabah (satu), Terengganu (satu), Kelantan (satu) dan Negeri Sembilan (satu)," katanya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) turut merekodkan sebanyak 16 kes import membabitkan lima war-

ganegara dan 11 bukan warganegara.

Katanya, seramai 337 pesakit pula memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU).

Selain itu, beliau berkata, KKM mengenal pasti 14 kluster baharu COVID-19.

"Kluster Sungai Nirai dikesan di daerah Selangor, Sarawak menyebabkan 41 orang positif sejak dilaporkan pada 23 April lalu.

"Kluster Umas di daerah Kaulabakan, Sabah pula sudah menjangkiti 34 orang," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, di daerah Melaka Tengah dan Alor Gajah di Melaka, Kluster Seri Jati muncul dengan 12 kes positif, berpunca daripada kes indeks di Taman Seri Jati, Batu Berendam.

Katanya, Kluster Jalan Sepat yang mengakibatkan 11 kes positif di kesan di daerah Larut, Matang dan Selama, Perak, manakala Kluster Jalan Garuda di Johor Bahru dan Kulai, Johor

pula seramai 15 kes positif.

"Kluster Jalan Sungai Sembilang di daerah Kuala Selangor, Selangor pula direkodkan 14 kes positif serta Kluster Jalan Kilang Dua di Lahad Datu, Sabah pula 11

kes positif. Kedua-dua kluster membabitkan pekerja kilang.

"Kluster Durin di Bau, Sarawak pula membabitkan pekerja restoran di Pasar Bau yang menyebabkan lapan daripadanya positif," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, KKM juga mengesan dua kluster keagamaan di Melaka, iaitu Kluster Sebatu di Jasin, dengan 27 kes positif, manakala Kluster Air Budi, Alor Gajah sebanyak 15 kes positif.

Beliau berkata, ada empat kluster pendidikan, iaitu Kluster Lestari Perdana Tujuh dikesan di Petaling dan Hulu Langat, Selangor dengan 86 kes positif, manakala Kluster Saujana di Setiu dan Besut, Terengganu pula 25 kes.

Selain itu, katanya, Kluster Persiaran Sinaran Ilmu di Johor Bharu pula sebanyak lapan kes serta Kluster Long Jegan di Miri dan Beluru, Sarawak pula 57 kes.

Kementerian Kesihatan turut merekodkan sebanyak 16 kes import membabitkan lima warganegara dan 11 bukan warganegara

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



AKHBAR : BERITA HARIAN AHAD

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Jangkitan di Lembah Klang semakin kritikal

Kapasiti kesihatan membimbangkan susulan kes meningkat

Oleh Hah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peningkatan kes jangkitan pandemik COVID-19 sejak lima minggu kebelakangan ini, menyebabkan kapasiti kesihatan di Lembah Klang, kini berada pada tahap membimbangkan.

Sekiranya aliran peningkatan kes berterusan, Kementerian Kesihatan (KKM) bimbang keupayaan itu bertukar kritikal, seterusnya memberi impak negatif terhadap penyampaian perkhidmatan kesihatan awam.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata bermula minggu 12 hingga 17/2021, KKM merekodkan peningkatan kes COVID-19 dengan kumulatif sebanyak 79,881 kes.

"Daripada jumlah itu, Selangor melaporkan jumlah kes tertinggi iaitu 22,069 kes (27.7 peratus), manakala Kuala Lumpur melaporkan 7,019 kes (8.8 peratus) dan Putrajaya sebanyak 264 kes (0.3 peratus).

"Kadar penggunaan terkini katil kritikal (ICU) di seluruh negara sudah mencapai lebih 88 peratus, berpunca daripada peningkatan kes kritikal sebanyak 62 peratus, berbanding tempoh dua minggu yang lalu.

"Ada tujuh hospital di Lembah Klang dikhususkan untuk rawatan pesakit COVID-19. Katil di Hospital Sungai Buloh (HSB), Hos-

Kadar insiden kes COVID-19 di Malaysia bagi setiap 100,000 penduduk



pital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Ampang, Hospital Serdang dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, sudah melebihi 70 peratus penggunaan.

"Katil di Hospital Selayang dan Pusat Perubatan Universiti Malaysia (PPUM) sudah melebihi 50 peratus penggunaan. Setakat hari ini (semalam), 108 unit ventilator diperlukan untuk pesakit COVID-19 di Lembah Klang sahaja," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, walaupun dari 1 Januari hingga 1 Mei tahun ini kadar insiden COVID-19 di negara ini adalah 872 kes bagi setiap 100,000 penduduk, tiga negeri di Lembah Klang mencatat kadar tertinggi dengan Kuala Lumpur 1,583 kes, diikuti Selangor 1,486 kes dan Putrajaya 1,140 kes.

Masa sama, Kadar Kebolehhajkitan (Rt) bagi COVID-19 negara kini adalah 1.14 dengan Selangor mencatatkan 1.20, Kuala Lumpur 1.16, manakala Putrajaya 1.0.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hish-

am berkata, KKM menerusi Pusat Kawalan Bersepadu COVID-19 (UCC) Wilayah Tengah, mengatur lima langkah mengatasi kesesakan penggunaan katil kritikal bagi menghadapi peningkatan kes di negeri sekitar Lembah Klang.

"Langkah pertama adalah pengurusan katil kritikal hospital COVID-19 dibuat secara bersepadu di bawah seliaan UCC. Kaedah ini didapati lebih efisien agar pesakit dapat dipindahkan ke hospital yang mempunyai kekosongan dengan lebih berkesan.

"HSB yang beroperasi sepenuhnya sebagai hospital COVID-19, akan meningkatkan kapasiti katil kritikal/ICU secara berfasa bagi memenuhi keperluan yang meningkat. KKM juga membuat perolehan peralatan perubatan seperti ventilator sejak tahun lalu bagi membolehkan HSB Buloh meningkatkan kapasiti katil kritikal apabila ada keperluan mendesak.

"Ketiga, pembedahan dan prosedur elektif di hospital sekitar

Lembah Klang boleh dikurangkan atau ditangguhkan bagi membolehkan lebih banyak katil dikhususkan untuk rawatan COVID-19, selain membolehkan anggota perubatan dimobilisasikan ke tempat lebih kritikal bagi perawatan pesakit COVID-19," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, wad biasa yang bersesuaian juga akan ditukar fungsi kepada katil kritikal (repurpose) bagi memenuhi keperluan yang meningkat.

"Buat masa ini ada 80 katil rawatan kritikal diwujudkan secara repurpose di Lembah Klang dan katil ini akan ditambah mengikut keperluan.

"Langkah kelima adalah kerjasama KKM dengan hospital swasta, pengajar atau universiti di sekitar Lembah Klang bagi meningkatkan kapasiti katil-katil kritikal," katanya.

Beliau berkata, masyarakat perlu memainkan peranan untuk bersama-sama membantu KKM dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

AKHBAR : KOSMO AHAD

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Kapasiti hospital membimbangkan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati peningkatan kes Covid-19 dan kadar penggunaan kapasiti kesihatan di Lembah Klang mutakhir ini adalah amat membimbangkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sekiranya trend peningkatan kes berterusan, kapasiti kesihatan akan berada pada tahap kritikal dan akan memberikan impak negatif kepada penyampaian perkhidmatan kesihatan awam secara keseluruhannya.

Menurutnya, terdapat tujuh hospital dikhususkan untuk rawatan pesakit Covid-19 termasuk satu hospital universiti di Lembah Klang yang merangkumi Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Sebanyak 277 katil kritikal Unit Rawatan Rapi (ICU) diperuntukkan bagi pesakit Covid-19 dan bukan Covid-19 di Lembah Klang.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 152 katil kritikal/ICU dikhususkan untuk merawat pesakit Covid-19 dan kadar penggunaan terkini telah mencapai lebih 88 peratus," katanya dalam kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, berdasarkan statistik yang dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) Kebangsaan, kadar penggunaan katil kritikal/ICU Covid-19 terkini didapati melebihi 70 peratus.

"Ia melibatkan Hospital Sungai Buloh, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Ampang, Hospital Serdang dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang. Bagi Hospital Selayang dan Pusat Perubatan Universiti Malaya pula melaporkan penggunaan katil kritikal/ICU Covid-19 pada kadar melebihi 50 peratus.

"Ini adalah berpunca dari-



ANGGOTA bomba melakukan proses sanitasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) 2, Sepang kelmarin. - FAISOL MUSTAFA

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	2,881
Import:	16
Tempatan:	2,865
Pulih	2,462
Kematian	15
Masih dirawat	29,631
Jumlah kes sembuh	380,442
Jumlah Kematian	1,521
Jumlah kes keseluruhan	411,594

pada peningkatan kemasukan kes kritikal sebanyak 62 peratus berbanding tempoh dua minggu lepas. Setakat hari ini (semalam), 108 unit ventilator diperlukan untuk pesakit Covid-19 di Lembah Klang sahaja," katanya.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, KKM merekodkan peningkatan trend kes Covid-19 di negara ini bermula Minggu Epid 12/2021 sehingga Minggu Epid 17/2021 dengan kumulatif sebanyak 79,881 kes sepanjang tempoh tersebut.

"Selangor melaporkan jumlah kes tertinggi sebanyak 22,099 kes, Kuala Lumpur (7,019 kes) dan Putrajaya (264 kes). Bermula 1 Januari sehingga semalam, kadar insiden kes Covid-19 di Malaysia bagi setiap 100,000 penduduk adalah sebanyak 872," katanya.

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kelantan negeri paling kritikal


KOTA BHARU: Meskipun Selangor 'juara' dari segi bilangan jangkitan Covid-19 di negara ini dengan lebih 1,000 kes sehari, situasi sebenar pandemik tersebut semakin memburuk dan lebih kritikal di Kelantan.

Perkara itu diukur berdasarkan kadar kebolehjangkitan (Rt) harian negeri ini yang direkodkan paling tinggi di Malaysia, serta melepasi bacaan peringkat nasional selama 14 hari berturut-turut.

Bacaan Rt Kelantan pernah mencecah 1.53 pada 22 April lalu, iaitu kadar paling tinggi pernah direkodkan di seluruh negara untuk empat bulan pertama tahun ini.

Hari ini bacaan Rt Kelantan menurun kepada 1.23 namun kekal tertinggi di Malaysia manakala Selangor di tempat kedua dengan 1.20. Bacaan tersebut juga masih mengatasi peringkat nasional 1.14.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr. Zaini Hussin menjelaskan, semakin tinggi bacaan Rt bermakna semakin pantas pandemik Covid-19 menular di sesebuah lokasi setiap hari.



PETUGAS barisan hadapan Hospital Raja Perempuan Zainab II diletakkan dalam keadaan bersiap sedia di Bahagian Kecemasan dan Trauma hospital itu di Kota Bharu, semalam. - MINGGUAN/ZULHANIFA SIDEK

Mengambil contoh bacaan Rt terkini Kelantan iaitu 1.23 jelas beliau, angka itu bermaksud bagi setiap 100 pesakit Covid-19 di negeri ini, seramai 123 individu lagi bakal dijangkiti dalam pusingan seterusnya.

"Kes Covid-19 meningkat terlalu mendadak dan tinggi di Kelantan, malah bacaan Rt negeri ini melebihi paras 1.0 su-

dah lebih daripada sebulan.

"Ini antara faktor kenapa Kelantan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) walaupun Selangor dan Sarawak kes hariannya lebih tinggi," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Dr. Zaini berkata, kadar penularan Covid-19 yang pantas di Kelantan membimbangkan

sedangkan, secara relatifnya negeri ini kurang padat dan bilangan penduduk lebih sedikit berbanding Selangor.

"Perlu diambil kira fasiliti kesihatan awam dan swasta di Kelantan yang lebih rendah berbanding Selangor. Juga dengan faktor logistik yang menunjukkan Kelantan ketinggalan," katanya.

AKHBAR : SINAR AHAD
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : NASIONAL

Keadaan kembali meruncing

Orang ramai perlu kembali kepada amalan 3C

KUALA LUMPUR

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menyifatkan keadaan penularan Covid-19 di negara ini kembali meruncing dan memerlukan setiap individu untuk terus patuh kepada prosedur operasi standard (SOP).

Menerusi hantaran di laman Twitternya beliau berkata, orang ramai perlu kembali kepada amalan 3C iaitu jauhi kawasan yang sesak (*crowded place*), elakkan kawasan yang sempit (*confined space*) dan elak sembang dengan jarak yang dekat (*close conversation*).

"Amalan 3W - kerap mencuci

tangan dengan air dan sabun (*wash*), memakai pelitup muka di tempat awam (*wear*) dan peringatan KKM (*warn*) seperti elak bersalaman dan rawatan segera jika bergejala," katanya.

Dr Noor Hisham menerusi ciapan berasingan memaklumkan kes positif baharu Covid-19 pada Sabtu mencatatkan 2,881 kes berbanding 3,788 kes pada Jumaat.

Katanya, Selangor kekal merekodkan jumlah kes tertinggi iaitu 759 kes diikuti Sarawak (445) dan Kelantan (442). Perlis pula menjadi negeri tunggal tanpa jangkitan pada Sabtu apabila mencatatkan sifar kes baharu Covid-19.

Dalam kenyataan medianya, Dr Noor Hisham berkata, dalam tempoh 24 jam lepas juga, se-

banyak 2,462 kes sembuh dicatat menjadikan jumlah kumulatifnya 380,442 kes manakala kes aktif kini 29,631.

Katanya, sejumlah 337 kes ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 176 daripadanya memerlukan bantuan alat pernafasan manakala terdapat pertambahan 15 kematian menjadikan jumlah keseluruhan angka korban akibat wabak itu kini 1,521 orang.

Jelasnya, terdapat 14 kluster baharu yang turut dikenal pasti pada Sabtu melibatkan masing-masing empat kluster komuniti, kluster tempat kerja dan kluster sektor pendidikan termasuk satu kluster institusi pendidikan Kementerian Pendidikan (KPM) serta dua kluster keagamaan.

Kluster komuniti berkenaan



ialah Kluster Sungai Nirai, Sarawak; Kluster Umas, Sabah; Kluster Seri Jati, Melaka dan Kluster Jalan Sepat di Perak, manakala kluster tempat kerja iaitu Kluster Jalan Garuda, Johor; Kluster Jalan Sungai Sembilang, Selangor; Kluster Jalan Kilang Dua, Sabah dan Kluster Durin, Sarawak.

Kluster keagamaan pula melibatkan Kluster Sebatu dan Kluster Air Budi di Melaka manakala Kluster Lestari Perdana Tujuh, Selangor dan Kluster Saujana, Terengganu pula berkaitan dengan kategori kluster pendidikan lain; Kluster Persiaran Sinaran Ilmu, Johor (kluster pendidikan tinggi); dan Kluster Long Jegan, Sarawak (kluster institusi pendidikan KPM). - Bernama




DR NOOR HISHAM

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIKASIN
411,594	380,442	337	1,521	+2,881	1,448,066



BERSEKUTUAN SINAR HARI/BERNAMA/EPIC

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

KLANG VALLEY HOSPITALS

ICU OCCUPANCY RATE AT ALARMING LEVELS

Healthcare system will be in critical state if Covid-19 cases continue to rise, says D-G

TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Klang Valley has been seeing an upward trend in Covid-19 infections in the past five weeks, with the Intensive Care Unit (ICU) bed occupancy rate in Covid-19 hospitals already at alarming levels.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said up to yesterday, Selangor recorded the highest cumulative cases in the recorded weeks at 22,099, followed by Kuala Lumpur (7,019) and Putrajaya (264).

For the Covid-19 case incident rate for every 100,000 population, he said, Kuala Lumpur had the

highest figure at 1,583, followed by Selangor (1,486) and Putrajaya (1,140).

"The country's R-naught (Rt) is rising at 1.14, whereas Selangor's is at 1.2, Kuala Lumpur at 1.16 and Putrajaya at 1.0.

"These states have recorded Rt values of more than 1.0."

He said seven hospitals were dedicated to treating Covid-19 patients. One of them is a university hospital in the Klang Valley, which has 277 ICU beds for Covid-19 and non-Covid-19 patients in Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya.

"To date, the bed occupancy rate is more than 88 per cent."

He said the Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) had received reports of ICU bed occupancy rates of more than 70 per cent at Sungai Buloh Hospital, Kuala Lumpur Hospital, Ampang Hospital, Serdang Hospital and Tengku Ampuan Rahimah Hospital in Klang.

"Selayang Hospital's and University Malaya Medical Centre's ICUs recorded bed occupancy rates of more than 50 per cent.



Medical frontliners taking a swab sample from a woman in Kuala Lumpur. FILE PIC

This is due to the increasing number of critical cases being admitted, at 62 per cent, compared with two weeks ago.

"Up to today (yesterday), 108 ventilators are being used by Covid-19 patients in the Klang Valley."

He said the number of critical Covid-19 patients reached a record number of 337 in ICUs up to noon yesterday, compared with Friday's 328 patients.

He said the ministry had rolled out measures to efficiently manage the high bed occupancy rate in Klang Valley hospitals, including transferring patients to hospitals with vacant beds and getting Sungai Buloh Hospital, which operates as a full-fledged Covid-19

hospital, to raise its ICU bed capacity in stages.

"Elective surgeries at Klang Valley hospitals have been reduced or postponed to open up beds for Covid-19 patients," he said, adding that the ministry would continue working with private, teaching and university hospitals in the Klang Valley to increase critical bed capacity.

Should the number of Covid-19 cases continue to rise, Dr Noor Hisham said, the healthcare capacity would be at a critical stage, thus negatively impacting public healthcare delivery.

On daily new Covid-19 infections, he said Malaysia logged 2,881 cases yesterday, with Selangor topping the list at 759 cases,

followed by Sarawak (445) and Kelantan (442).

Four other states saw a three-digit rise in new infections — Johor (310), Kuala Lumpur (315), Penang (133) and Kedah (111).

States that logged a two-digit rise in cases were Sabah (64), Negri Sembilan (89), Perak (64), Melaka (54), Pahang (47) and Terengganu (42). Labuan and Putrajaya each recorded three cases, while Perlis had none.

Dr Noor Hisham said 15 more Covid-19 fatalities, all Malaysians, were reported yesterday, raising the death toll to 1,521 since the pandemic started last year.

He said 2,462 more patients had recovered, bringing the total recoveries to 380,442.

AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Labour Day mayday from Health DG

PETALING JAYA: Malaysia must avoid a Covid-19 tsunami like the one happening in India, says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah as he urged frontliners to buckle down for a drawn-out fight.

In his Labour Day message dedicated to healthcare frontliners, the Health director-general said they were the final line of defence in the relentless battle against Covid-19.

"InshaAllah (God willing), let us make our hearts sincere, adjust our intentions accordingly, put in our effort and fight as hard as we can as well as trust in God's plan.

"Happy Labour Day 2021 to all Health Ministry staff, especially health and medical frontliners.

"We are still fighting and we are the final line of defence in battling the Covid-19 pandemic.

"We must learn and avoid a Covid-19 tsunami like what is happening in India," he posted on Facebook yesterday.

Malaysia recorded over 3,000 daily infections over the past few days, sparking nationwide anxiety as cases have been increasing.

Dr Noor Hisham on Friday said that the current national infectivity rate or Rt stood at 1.14, an increase from 1.12 the day before.

An Rt of 1.14 meant that for every 100 newly infected persons, they could pass the disease to another 114 people.

Critical care units in Covid-19 hospitals stretched thin

PETALING JAYA: The current usage of critical and intensive care unit beds dedicated to treating Covid-19 patients in the Klang Valley has now reached over 88%, says Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said a total of 277 ICU beds had been allocated for Covid-19 and non-Covid-19 patients in the Klang Valley.

"Of these, a total of 152 critical/ICU beds are dedicated to treating

Covid-19 patients and the current utilisation rate has reached over 88%," said Dr Noor Hisham.

He said the current critical/ICU Covid-19 bed utilisation rate was also found to have exceeded 70% in Hospital Sungai Buloh, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Ampang, Hospital Serdang and Hospital Tengku Ampuan Rahimah in Klang.

"Hospital Selayang and Universiti Malaya Medical Centre (UMMC) reported the use of critical/ICU

Covid-19 beds at a rate of more than 50%. This is due to the increase in critical case admissions by 62% compared to two weeks ago."

There are seven hospitals dedicated to the treatment of Covid-19 in the Klang Valley encompassing Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya.

Covid-19 patients in the Klang Valley alone, added Dr Noor Hisham, required 108 units of ventilators for treatment.

Across the country, 176 Covid-19 patients are on ventilator support, an increase of 15 people.

Nationwide, the number of patients in intensive care units (ICU) stands at 337.

Yesterday, Malaysia recorded 2,881 new Covid-19 cases, bringing the cumulative total to 411,594. Selangor recorded the highest daily figure with 759 cases, followed by Sarawak (445) and Kelantan (442).

There were 16 imported cases,

including 11 non-citizens. The number of active cases now stands at 29,631.

Fifteen more people – all Malaysians – succumbed to Covid-19 yesterday, bringing the death toll to 1,521.

Of the deaths, five were from Selangor, while Kuala Lumpur, Sarawak and Penang recorded two deaths each. Sabah, Terengganu, Kelantan and Negri Sembilan recorded one death each.

AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation																											
(As at 7pm May 1, 2021)																											
Malaysia																											
New cases																											
Total cases																											
Total deaths																											
Total recovered																											
<table border="0" style="width:100%; text-align:center;"> <tr> <td style="width:10%;"></td> <td style="width:10%;">2,881</td> <td style="width:10%;">411,594</td> <td style="width:10%;">1,521(+15)</td> <td style="width:10%;">380,442(+2,462)</td> <td style="width:10%;"></td> <td style="width:10%;"></td> <td style="width:10%;"></td> <td style="width:10%;"></td> <td style="width:10%;"></td> <td style="width:10%;"></td> <td style="width:10%;"></td> <td style="width:10%;"></td> <td style="width:10%;"></td> </tr> </table>															2,881	411,594	1,521(+15)	380,442(+2,462)									
	2,881	411,594	1,521(+15)	380,442(+2,462)																							
Perlis	Kedah	Penang	Perak	Selangor	Kelantan	Terengganu	Pahang	N. Sembilan	Melaka	Johor	Sabah	Sarawak	FT. K. Lumpur	FT. Putrajaya	FT. Labuan												
0	+111	+133	+64	+759	+442	+42	+47	+89	+54	+310	+64	+445	+315	+3	+3												
Asean+	Indonesia	Philippines	Japan	Myanmar	S. Korea	China	Thailand	Singapore	Cambodia	Vietnam	Laos	Brunei															
Confirmed cases	1,672,880	1,046,653	586,782	142,817	122,634	90,671	67,044	61,179	13,790	2,928	821	224															
Deaths	45,652	17,354	10,194	3,209	1,831	4,636	224	30	96	35	0	3															
Recovered	1,526,978	957,051	519,047	131,966	112,337	85,710	38,075	60,751	5,200	2,516	51	215															
Global Top 10	US	India	Brazil	France	Turkey	Russia	UK	Italy	Spain	Germany																	
Confirmed cases	33,103,974	19,164,969	14,665,962	5,616,689	4,820,591	4,814,558	4,416,623	4,022,653	3,524,077	3,392,232																	
Deaths	590,055	211,853	404,287	104,514	40,131	110,520	127,517	120,807	78,216	83,542																	
Recovered	25,710,142	15,684,406	13,194,538	4,539,909	4,323,897	4,436,583	4,214,791	3,465,676	3,206,273	3,012,100																	

Obey the rules, implore exhausted cops

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

GEORGE TOWN: They are on duty, rain or shine, to check on people's compliance with Covid-19 SOP. And they have sent out a plea: Please mind the rules. "It is everybody's role to keep the community safe and end the pandemic," said George Town OCPD Asst Comm Soffian Santong, who oversees the northeast district of Penang. Since the second movement con-

trol order was enforced, a total of 47,000 inspections had been conducted, he said. "Officers from 30 teams have been conducting regular inspections in premises such as business outlets, public markets, religious institutions and schools." He said 27 compounds had been issued since March for violations such as failure to scan their MySejahtera app before entering a place and violating interstate permits. "We advise people to please follow

the basic rules stipulated in the SOP. "Wear a face mask, wash hands frequently and stay at home if there is no urgency to leave the house. "Avoid crowded places and ensure sufficient physical distancing," he advised. Meanwhile, north Seberang Prai OCPD Asst Comm Noorzainy Mohd Noor urged those travelling with police permits not to abuse them. "If you're here for work, use the permit just for work and then go home.

"Do not bring your family along. "Anyone caught violating their permits will be punished as we need to be stern in enforcement to curb the spread of Covid-19." He said there could be people who might want to travel between Penang and Kedah before Hari Raya for shopping "but this is not the time to loosen up". "It is the responsibility of the people to abide by the SOP and our duty to take action against those who violate the rules," he said.

Frontliners at breaking point

Health workers plead for public help in beating pandemic

By DIYANA PFORDTEN
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: At the start of the pandemic, the applause for frontliners rang out loud and proud. Though they may no longer be at the front line of public attention and the applause less audible, medical healthcare workers have not let up and are still clocking in gruelling hours attending to the infected. Health inspector Mastura Maznor, 38, said frontliners who had worked tirelessly all this while were now experiencing physical and mental exhaustion. "It has reached a point where Malaysians need to help us by not forgoing the SOP and continue to practise physical distancing, wear face mask properly, and wash or sanitise their hands often as it is the key to protecting ourselves from Covid-19. "My only hope now is that the Covid-19 situation can be controlled with the help of the public," said Mastura, who works in assisting the prosecution of SOP violation cases. On the home front, she has not seen her parents for months, communicating with them only through video calls. Although she is hoping to see them during Hari Raya, Mastura



Tough fight: The Health Ministry on its Facebook page pays tribute to its frontliners, many of whom are seen exhausted near their workstations on Labour Day.

said her family understood her work commitment and was bracing for the possibility that she would not be able to celebrate with them. Nurse Nur Faizatul Akmal Abdul Latif, 30, said the surge in the number of Covid-19 cases meant that healthcare workers were being overloaded with work. "They have been working overtime without leave. The existing staff is not enough to meet the workload," said Nur Faizatul.

Her counterparts, she said, were all hoping that Covid-19 cases would decrease so that they could celebrate the Hari Raya festivity with their families. "I wish to visit my parents who are far away in Pahang but as a frontliner, I must remain focused and committed to my work. "We hope that the public is committed to lowering the rate of infection in the country," she added. Nur Faizatul said the people

should always remind each other that the task of beating the pandemic was a shared responsibility. "Take care of yourself and the people around you," she said. A military frontliner, who only wanted to be known as David, said the rising Covid-19 cases meant that he was now tasked with more operations to assist other agencies in ensuring public compliance with SOP. "To some extent, the new norm has affected our training, administration and operations. I hope everyone continues to play their part in complying with the SOP. We have proven that we can help to lower the number of cases. We have done it once, so it is not impossible that we can do it again," said David, 40. To those who take things lightly, he said: "Please stop and think about the country." Teacher Faiz Ahmad, 32, said the current Covid-19 situation was impacting his work as the "online work environment is not satisfactory when teaching". He said people must abide by the SOP and stop spreading false information about vaccines and Covid-19. "If everyone works together, we can overcome this and get back to our normal lives," he said.